



Dulu terpinggir, kini jadi tumpuan

JIKA dahulu, Hulu Selangor kurang dikenali dan pernah digelar 'tempat jin bertandang' namun situasi kini berbeza apabila ia menjadi tarikan pelancong.

Terletak di antara bahagian utara dan selatan yang dihubungkan melalui Jalan Persekutuan 1, Lebuhraya Utara Selatan atau menggunakan Kereta Api Tanah Melayu (KTM) Komuter.

Daerah ini juga digunakan untuk laluan ke arah Pantai Timur melalui Bukit Fraser dan Genting Highlands.

Pada 2008, bilangan penduduk hanyalah 197,916 dan ia meningkat setiap tahun dan kini mencecah 306,073 penduduk berbilang kaum tidak termasuk golongan perantau.

Nilai hartanah juga menunjukkan peningkatan, namun masih di tahap mampu milik berbanding kawasan Lembah Klang dan bandar lain di negeri ini.

Bagi penduduk, Suhaimi Zainal Abiddin, 47, pemilikan rumah semakin mendapat permintaan tinggi apabila harga ditawarkan lebih murah termasuk jenis apartmen serendah RM130,000.

"Sekarang ramai yang berulang-alik kerja di Kuala Lumpur atau sekitar Shah Alam," katanya.

Hampir 50 peratus dari keluasan daerah ini dikekalkan sebagai hutan simpan yang menyediakan kawasan rekreasi dan pelancongan yang indah.

Beberapa aktiviti sukan lasak bertaraf antarabangsa dipromosikan dalam kempen Tahun Melawat Hulu



Sungai Chiling yang merupakan santuari ikan Kelah antara lokasi air terjun pilihan pencinta alam.

Selangor 2017 berjaya mengangkat nama daerah ini di mata dunia.

Antara tarikan alam semula jadi yang dikunjungi adalah Santuari Ikan Kelah Sungai Chiling, Air Terjun Serendah, Kolum Air Panas Hulu

dari **PARLIMEN ke PARLIMEN**

Tamu, Sungai Inki, Lata Medang, Empangan Sungai Selangor dan banyak lagi.

Penggemar sukan lasak turut memilih daerah ini bagi melakukan aktiviti mendaki Bukit Kutu dan Gunung Rajah, luncur udara, water rafting, cabaran pacuan empat roda, basikal dan motosikal lasak serta terbaharu terjun tali hayun (dihentikan sementara waktu).

Sebuah Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun di Felda Soeharto, Ulu Bemam ditubuhkan sejak 2004 berfungsi sebagai tempat rawatan, pemuliharaan dan pembiakan tapir.

Pengunjung ditawarkan pelbagai penginapan moden dan berkonsepkan kehijauan alam seperti Kalumpang Resort, Seri Damai Resort, Teratak River View Resort dan sebagainya.

Pusat pentadbirannya terletak di Pekan Kuala Kubu Bharu yang mempunyai reka bentuk bangunan bersejarah yang dibina sejak 1940 ketika negara di bawah penjajahan British.

Peninggalan sejarah dilihat pada runtutan banglo rehat pegawai British di puncak Bukit Kutu yang musnah dibom tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua.

Kewujudan kunci air berusia lebih 100 tahun dipanggil Perigi Tujuh di Serendah antara khazanah tertua tinggalan zaman pentadbiran Inggeris, masih berfungsi sehingga sekarang.



Tapir merupakan maskot Tahun Melawat Hulu Selangor 2007.

Reka bentuk bangunan di Pekan Kuala Kubu Bharu yang dibina pada zaman penjajahan British.



Ini iklan produk ubat

L-LYSINE

L-Lysine adalah asid amino yang perlu. Asid amino perlu tidak boleh dihasilkan oleh badan, oleh itu ia perlu dibekalkan melalui diet atau dengan pengambilan suplemen. Pengambilan dos sebanyak 1800mg (3 tablet) disyorkan setiap hari selepas makan.

(Harga Termasuk GST)
50's tablet RM 34.95



MAL19990328XR




MAL20013828XRS

L-ARGININE 500MG

L-Arginine adalah asid amino tidak perlu yang digunakan sebagai makanan tambahan kesihatan.

(Harga Termasuk GST)
30 kapsul sayuran RM 31.75
Juga didapati dalam:
L-Arginine 1000mg 30's RM 44.95

TINGKATKAN IMUNITI ANDA



MAL20034002XRZ

VITAMIN C-1000

Vitamin C adalah vitamin yang terkenal untuk meningkatkan sistem imunisasi badan. 21ST Century Vitamin C boleh didapati dalam bentuk tablet kunyah, tablet bebas asid dan tablet pembebasan berpanjangan.

(Tiada GST)
1000mg 60's tablet RM 29.95
Juga didapati dalam:
250mg 100's tablet RM 26.95
500mg 100's tablet RM 33.95

ROYAL PROPOLLEN

21ST Century Royal propollen adalah kombinasi 5 jenis pemangkin kesihatan iaitu Royal Jelly, Propolis, Bee pollen, Vitamin E dan Ginseng untuk kesihatan umum.

(Harga Termasuk GST)
30 tablet RM 29.95



MAL19990327XR

Kesemua tablet dan kapsul sayuran diproses dan dikilangkan oleh 21ST Century di Tempe, Arizona, USA.

Boleh didapati di semua farmasi utama dan kedai ubat Cina
21ST CENTURY PRODUCTS SDN. BHD.
Tel: 1-800-880-238 Email: support@21stcentury.com.my

21ST CENTURY • MENJAGA KELUARGA ANDA